

Wujudkan data DNA kesan pelaku buang bayi

U.M 25/04/08 MS 12

SERING kali kita dikejutkan dengan kejadian penemuan mayat bayi yang baru dilahirkan sejak kebelakangan ini dan merujuk laporan *Utusan Malaysia* muka surat 26 bertarikh 24 April 2008, berbagai perasaan tentunya menyelubungi kita.

Di sebalik itu apa yang mampu kita semua lakukan lagi? Hanya sekadar menyaksikan satu jasad yang tidak berdosa telah diperlakukan sedemikian rupa. Lanjutan dari kejadian ini nescaya si pelaku yang tidak dapat dikesan atau didakwa akan menjadi "perosak" pada masa akan datang.

Terpanggil dengan itu, saya berpendapat sudah sampai masa dan ketikanya kerajaan menubuhkan satu arahan yang boleh diisytiharkan "data DNA" bagi semua warga negara Malaysia/pendatang/atau pekerja yang datang secara sah di negara ini.

Bagi warga negara Malaysia "data DNA" hendaklah disimpan dan direkodkan se-

umur hidup bagi seseorang, manakala pendatang, pekerja asing setelah mereka meninggalkan negara ini rekod DNA disimpan bagi satu tempoh yang difikirkan munasabah.

Walaupun kos penyediaan "data DNA" akan menggunakan dana yang besar, saya berpendapat bukan satu kerugian berbanding dengan apa yang dilakukan sekarang, di mana polis dan pihak berkuasa terpaksa menggunakan masa dan tenaga termasuk wang ringgit untuk mengesan si pelaku malahan kadangkala tidak berpenghujung kesudahannya.

Oleh yang demikian adalah lebih baik bagi setiap kanak-kanak yang dilahirkan dimestikan mempunyai rekod DNA selepas kelahirannya.

Bagi rakyat yang lain boleh dilakukan sebagaimana arahan kerajaan mengarahkan rakyat menukar "kad pengenalan lama" kepada "kad pengenalan yang bermutu tinggi" dan menukarkannya lagi kepada

"Mykad", sudah tentu kos membuat penukaran tersebut menelan belanja yang banyak. Apa kata dengan menyimpan satu rekod DNA bagi satu individu data tersebut boleh digunakan untuk berbagai kepentingan di masa hadapan. Soal hak asasi atau apa sahaja yang berkaitan dari segi perundangan hendaklah digubal di ketika negara masih mengamalkan sistem demokrasi. Seperti Angkatan Tentera Malaysia semua warga ATM mempunyai rekod perigian dan rekod kesihatan selagi mereka berkhidmat.

Rumusannya dengan adanya data DNA siapa yang melakukan perbuatan terkutuk ini akan mudah dikesan dan didakwa, terpulang kepada kita dan pihak berwajib untuk memudah atau masih menggunakan amalan yang ada, kita yang menentukan dan melaksanakannya.

JOHARI NORDIN
Negeri Sembilan



KES buang bayi kerap dilaporkan di negara ini.

- Gambar hiasan